

18 SEP 2003

DR MAHATHIR DAN ISTERI TERIMA ANUGERAH "DUTA KEAMANAN"

PUTRAJAYA, 18 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali hari ini menerima anugerah "Duta Keamanan" kerana sumbangan mereka dalam menggalakkan keamanan dan perpaduan.

Anugerah itu disampaikan oleh Persekutuan Antara Agama dan Antarabangsa Bagi Keamanan (IIFWP) di pejabat rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana, di sini.

Dr Siti Hasmah menerima anugerah beliau dan anugerah suaminya daripada wakil IIFWP, Christopher B. Kim. Dr Mahathir tidak hadir di majlis itu.

Setiausaha Agung Wilayah IIFWP Bagi Asia, Genie Kagawa memberitahu pemberita bahawa Dr Mahathir dan isteri telah memainkan peranan penting dalam menggalakkan perpaduan dan keharmonian di kalangan golongan muda dan tua daripada latar belakang politik, sosial dan akademik yang berlainan.

"Kami menawarkan anugerah ini kepada Dr Mahathir kerana kami berpendapat beliau adalah pemimpin contoh yang telah menunjukkan tanggungjawab yang tinggi dalam menggalakkan kepimpinan yang baik," katanya.

Beliau berkata, gaya kepimpinan Dr Mahathir boleh juga dijadikan contoh oleh pemimpin-pemimpin politik yang lain.

IIFWP Asia, yang berpangkalan di Manila ialah sebuah badan sekutu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

-- BERNAMA

RIZ MAM PR